Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

20 pelajar di Nigeria maut akibat meningitis

Februari 29, 2024 @ 8:29am



Gambar hiasan.

KANO: Wabak meningitis di Nigeria sudah membunuh sekurang-kurangnya 20 pelajar sekolah berasrama dan menjangkitai ratusan yang lain, kata pesuruhjaya pendidikan di negeri Yobe, Mohammed Sani Idriss.

"Kami merekodkan penularan wabak meningitis di enam sekolah menengah di negeri ini, menyebabkan kematian 20 daripada 473 pelajar yang dijangkiti.

"Pusat wabak ialah di bandar Potiskum dan yang paling teruk terjejas ialah Kolej Teknikal Kerajaan di bandar berkenaan, di mana 17 pelajarnya maut," katanya.

Semua sekolah berkenaan diletakkan di bawah pemantauan perubatan dan dilengkapi pusat pengasingan serta kemudahan rawatan kecemasan.

Kata Idriss, keadaan semakin terkawal sebab tiada kes baharu direkodkan sejak dua hari lalu manakala 370 mangsa di hospital kini semakin pulih dan dibenarkan pulang.

Meningitis adalah penyakit melibatkan keradangan pada selaput otak dan saraf, yang disebarkan menerusi titisan air pernafasan dan kahak serta menyebabkan kadar kematian ntinggi dalam kalangan kanak-kanak.

Nigeria berada dalam lingkungan 'lingkaran belt' sub-Saharan Afrika, dari Senegal hingga ke Ethiopia di timur, dimana wabak penyakit terbabit banyak berlaku. - AFP